



PEKELILING RASMI NAIB CANSELOR BIL. 2/2020

PENUTUPAN SEMENTARA UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

1.0 TUJUAN

Pekeliling Rasmi Naib Canselor Bil. 2/2020 ini adalah bagi memaklumkan mengenai keputusan **Penutupan Sementara Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)** selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020, sebagaimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia melalui perutusan khas yang telah dibuat pada 16 Mac 2020, jam 10.00 malam.

2.0 PELAKSANAAN PENUTUPAN UTHM

- 2.1 Sebagai langkah membendung penularan wabak COVID-19 yang semakin membimbangkan, Kerajaan telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan yang dibuat di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967.
- 2.2 Selaras dengan itu, adalah dimaklumkan bahawa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia meliputi Kampus Induk Parit Raja (termasuk Kampus Bandar) dan Kampus Cawangan Pagoh, serta sebuah pusat latihan iaitu Pusat Minda Emas (PuMAS) yang beroperasi di Tanjung Laboh adalah **ditutup sementara berkuatkuasa 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020**.
- 2.3 Penutupan UTHM ini adalah mengambilkira keseluruhan operasi pentadbiran serta semua aktiviti pelajar dan akademik termasuk 'Pembelajaran Atas Talian' (FOC) adalah ditangguhkan.
- 2.4 Penutupan ini melibatkan semua staf **kecuali** staf di dalam perkhidmatan kritikal iaitu Bahagian Keselamatan, Pusat Kesihatan Universiti, sebahagian daripada staf di Pejabat Pembangunan dan Penyenggaraan, Pengetua, Felo dan staf pentadbiran Kolej Kediaman serta mana-mana staf yang diarahkan bertugas oleh Ketua Pusat Tanggungjawab.

- 2.5 Semua staf yang terlibat dengan penutupan ini akan diberikan status **Kebenaran Bekerja Dari Rumah** dan staf tidak perlu merekodkan kehadiran keluar masuk di kampus. Rekod kehadiran bagi semua staf yang terlibat akan dikemaskini secara automatik oleh Pejabat Pendaftar. Semua staf yang telah diberikan kebenaran ini hendaklah berada dalam keadaan sedia untuk dihubungi oleh Ketua Pusat Tanggungjawab masing-masing dalam tempoh waktu bekerja biasa yang ditetapkan.
- 2.6 Semua pelajar dibenarkan pulang ke kampung halaman masing-masing atas tanggungjawab sendiri. Walau bagaimanapun, pelajar yang mengambil keputusan untuk menginap di kolej kediaman perlu mendaftarkan diri di **Pusat Perumahan Pelajar** mulai 17 Mac 2020 dari jam 3.00 petang hingga 11.30 malam untuk ditempatkan di kolej kediaman berpusat.
- 2.7 Pelajar yang berada di bawah kategori **saringan dan kuarantin** adalah **Tidak Dibenarkan** pulang dan akan ditempatkan di kolej kediaman yang telah ditetapkan serta mematuhi peraturan Perintah Kawalan Pergerakan yang berkuatkuasa.
- 2.8 Semua perkhidmatan bas di kedua-dua kampus adalah dihentikan sementara waktu. Laluan masuk dan keluar kampus dihadkan kepada satu laluan sahaja iaitu Pintu Utama di kedua-dua kampus.
- 2.9 Dalam memastikan perkembangan berkaitan COVID-19 di peringkat Universiti ini sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa, Jawatankuasa Pengurusan Krisis COVID-19 UTHM akan terus memantau keperluan dan menjalankan fungsinya mengikut tatacara yang telah digariskan.
- 2.10 Proses dekontaminasi di beberapa Pusat Tanggungjawab di dalam Kampus Induk Parit Raja dan Kampus Cawangan Pagoh yang telah dimulakan pada 16 Mac 2020 akan diteruskan. Kebenaran untuk bekerja dari rumah melibatkan staf dari beberapa fakulti adalah berkuatkuasa mengikut tarikh yang telah diluluskan terdahulu, sepertimana arahan dan pekeliling yang telah dikeluarkan. Walau bagaimanapun, tarikh akhir kebenaran untuk bekerja dari rumah ini adalah diselaraskan mengikut tarikh akhir Perintah Kawalan Pergerakan iaitu 31 Mac 2020.
- 2.11 Kenyataan rasmi bagi sebarang perkembangan terkini berkaitan COVID-19 di UTHM ini hanya akan dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Pejabat Pemasaran & Komunikasi Korporat (PPKK) sahaja melalui email dan media sosial rasmi UTHM.

3.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta dari tarikh ianya dikeluarkan. Adalah diharapkan agar semua pihak sentiasa mematuhi langkah-langkah pencegahan bagi mengelakkan peningkatan penularan COVID-19 dan sentiasa berada di bawah lindungan Allah SWT. Semoga semua warga UTHM sentiasa terus cekal dan tabah dalam menjalankan tugas untuk negara demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia sentiasa terpelihara.

Sekian, terima kasih.

“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”

Yang benar,

YBHG PROF. DATUK TS. DR. WAHID BIN RAZZALY

Menjalankan Tugas Naib Canselor
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
17 Mac 2020



Special Announcement from the Vice Chancellor of Universiti Tun Hussein Onn Malaysia on COVID-19

Assalamualaikum and Greetings everyone,

- 1. Malaysia is facing the second wave of the Covid-19 pandemic which has resulted in the increase of Covid-19 cases in the country.*
- 2. The Movement Control Order was declared by the Prime Minister of Malaysia, Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin Bin Hj. Mohd Yasin through his Special Announcement on Covid-19 on 16 March 2020, as a measure to curb the spread of the virus in the country. In the announcement, all institutions of higher learning have been directed to temporarily seize operations from 18 March until 31 March 2020.*
- 3. At UTHM, the Crisis Management Committee has been set up to handle the spread of Covid-19 virus as there are a few positive Covid-19 cases among staff and students. However, the situation is currently under control and the university is constantly advised by and in cooperation with the Batu Pahat and Muar District Health Offices.*
- 4. Any decision pertaining to health screening procedures is solely under the jurisdiction of the District Health Offices. However, UTHM will provide its full cooperation to facilitate the process. As such, it is the responsibility of the staff and students to understand and abide by any directive issued by the District Health Offices in handling Covid-19. Failure to abide by any directive may result in legal action being taken.*
- 5. In light of the Movement Control Order that was issued, UTHM campus will be closed from 18 March until 31 March 2020.*
- 6. In the duration of the closure, UTHM staff are required to work from home but have to be on standby and can be contacted by the head of department at any time. However, critical services staff (Security, Health Centre, Facilities Management, as well as Residential Colleges Principal, fellow and administrative staff) or any other staff as directed by the university will work as usual and attendance must be recorded.*

7. *Students are ALLOWED to go home to their families at their own risk and responsibility. However, students who opt to stay on campus MUST register at the Student Housing Office starting from 17 March 2020 from 3.00 pm to 11.30 pm for them to be placed at a centralized Residential College. All bus services at both campuses will also be SUSPENDED for the mean time. Students MUST at all times abide by the Movement Control Order which takes effect from 18 March 2020.*
8. *Students who have been identified and are on the SCREENING and QUARANTINE list are NOT ALLOWED to go home and will be placed at a designated Residential College and must also abide by the Movement Control Order.*
9. *All academic activities, including Full Online Classroom (FOC) will be SUSPENDED from 18 March until 31 March 2020.*
10. *As a security measure, there will only be one entrance to the university, which will be through the Main Gate.*
11. *Decontamination process of the university premises by a team appointed by the university will commence in stages at both UTHM Pagoh and Parit Raja campuses during the closure of the university.*
12. *Official statements from UTHM will ONLY be issued from time to time by the Corporate Marketing and Communication Office through UTHM email and social media.*
13. *We also urge that the UTHM community take the initiative to be aware of the current developments issued by the National Security Council on behalf of the Malaysian government. Anyone in the UTHM community with Covid-19 symptoms should refer to the District Health Office nearest to their home.*
14. *It is hoped that we are constantly diligent and patient in carrying out our duties for the nation and ensuring that the safety as well as welfare of UTHM is safeguarded.*

Thank You

YBHG PROF. DATUK TS. DR. WAHID BIN RAZZALY

*Menjalankan Tugas Naib Canselor
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
17 Mac 2020*